

30/08/1999

Aznil, Nurul buat persembahan sambut merdeka

Daut Noor

AZNIL Nawawi, Nurul dan kumpulan Crosstown adalah antara artis yang akan mengadakan persembahan di Konsert Seabad Malaysia Ke Alaf Baru sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-42 peringkat Pulau Pinang, malam ini.

Konsert persembahan artis dan kumpulan kebudayaan pelbagai kaum itu adalah bagi memeriahkan perayaan sambutan ulang tahun Hari Kemerdekaan. Ia diadakan di Padang Kota Lama bermula jam 8 malam ini.

Selain menyaksikan persembahan nyanyian artis berkenaan, orang ramai juga berpeluang menyaksikan pelbagai acara lain yang diadakan sempena konsert itu seperti tarian, lawak jenaka dan boria.

Penolong Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian negeri, Mohd Basri Ali Anas, berkata selain artis popular, artis tempatan lain yang akan mengadakan persembahan ialah kumpulan lawak Pak Kojek, kumpulan Boria Anak Tanjung dan Kumpulan Boria Wawasan.

"Turut mengadakan persembahan sehingga lewat tengah malam itu ialah penyanyi lagu Tamil, Guna Seelan, kumpulan kebudayaan Tarina, kumpulan kebudayaan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, Pinar Mas, kumpulan Town Hall, Kumpulan Temple of Fine Arts, kumpulan tarian Persatuan Kebudayaan Tamil Pulau Pinang, Kumpulan tarian Phoy Tai, kugiran Heritage serta artis Follow Me seperti Wei Wei dan Lan Yee," katanya yang berharap sambutan tahun ini akan mendapat sambutan lebih meriah dengan penyertaan pelbagai kaum.

Orang ramai di Pulau Pinang yang hadir pada malam itu turut berpeluang menyaksikan siaran langsung melalui layar besar ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berucap di Stadium Bukit Jalil sebelum 12 tengah malam.

Penyanyi berasal dari Seberang Perai, Nurul akan mendendangkan empat lagu popularnya iaitu Aku Cinta Aku Rindu, Kerana Terluka, Oh Kasih Oh Sayang dan Rinduku Padamu. Kumpulan dari Pulau Pinang yang sudah menghasilkan tiga album akan menyampaikan dua lagu termasuk lagu Pulau Pinang Kita.

Tepat jam 12 tengah malam Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon serta beberapa Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri akan berada atas pentas untuk bersama orang ramai melaungkan perkataan Merdeka.

(END)